

Sila semak semula semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PERASMIAN AGM BAKTI
DI SRI PERDANA, JALAN DAMANSARA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 13 JULAI 1999
JAM 4.30 PETANG

Saya ucapkan terima kasih kerana bersama-sama saya meraikan tetamu kehormat kita tadi dan kini bermula pula AGM BAKTI yang perlu diadakan mengikut perlembagaan kita.

2. Mesyuarat tahunan BAKTI ini adalah yang ke-22 dan setidak-tidaknya kita bolehlah berkata dengan tulus ikhlas bahawa BAKTI telah menyempurnakan tujuan-tujuan kebajikannya dengan adil dan betul. Sungguhpun kewangan BAKTI tidak begitu banyak kerana tidak mengadakan kutipan amal secara tertentu, BAKTI tidak pernah mengecewakan gulungan-gulungan dan sasaran kita yang memerlukan bantuan. Apa yang dirancang oleh Jawatankuasa Tadbir ialah mengurangkan sumbangan alat-alat kepada institusi-institusi yang meminta tanpa menjejaskan sumbangan dermasiswa, rawatan dan lain-lain yang mustahak bagi kebajikan masyarakat. Rayuan untuk berniaga, mendirikan rumah ataupun untuk pinjaman memang ditolak kerana dasar BAKTI tidak memberi bantuan untuk tujuan-tujuan sedemikian.

3. Kita ucapkan berbilang terima kasih kepada Pakar Odit kita Dato' Kamal yang sentiasa memberi nasihat dan panduan kepada BAKTI, khasnya kepada Bendahari Kehormat kita. Saya juga mengucapkan syabas kepada Datin Wendy yang selalu meneliti budget BAKTI berperingkat-peringkat dan membuat budget bagi ketiga-tiga Jawatankuasa Kecil yang membelanjakan banyak wang BAKTI. Terima kasih kepada

Wendy dan kepada Pengerusi-pengerusi Toh Puan Dr Aishah, Tunku Maziah dan Datin Devi yang mengikut panduan-panduan/nasihat Bendahari.

4. Tahun ini tidak akan ada pemilihan baru Jawatankuasa Tadbir mengikut Perlembagaan yang dipinta. Soal Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan dan Siaran sahajayang perm dibincangkan sebentar lagi.

5. Menjelang pilihanraya umum yang akan tiba bila-bila masa sahaja, adalah penting kita sebagai isteri kepada ahli-ahli Parlimen yang memegang jawatan-jawatan dalam Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, berusaha mempertahankan keadaan kestabilan politik, ekonomi dan perpaduan rakyat supaya kita hidup dalam keadaan aman dan bahagia berterusan.

6. Baik apa pun pandangan kita terhadap sesuatu, hams jangan kita lupa apa yang Kerajaan telah rancang bagi rakyat selama ini, dan jangan kita sekali-kali lupa, bahawa kedudukan kita sehingga saat ini, adalah hasil dari usaha Kerajaan di bawah bendera Barisan Nasional.

7. Esok, BAKTI akan dipanggil oleh BIN untuk berbengkil khas di Sri Perdana selama 2 hari. Tempat untuk peserta adalah terhad. Oleh demikian ahli-ahli yang dipilih sahaja akan menyertainya, dan saya berharap ahli-ahli yang dipilih akan tumpukan perhatian selama 2 hari itu. Ahli-ahli yang tidak dipanggil akan dijemput hadir pada hari yang lain.

8. Dalam Bengkil BTN kepada BAKTI baru-baru ini, banyak diperkatakan oleh pihak BTN dan pihak ahli BAKTI sendiri, apa yang orang berkata di 'public' atau 'private'. Kebanyakan adalah mengenai YAB Perdana Menteri yang saya tidak boleh elak, adalah suami saya. Orang-orang yang tidak rapat dengan YAB Perdana Menteri akan mengganggap dan percaya apa sahaja pembangkang dan orang-orang tertentu

berkata. Tohmah dan fitnah 1001 jenis dilemparkan terhadapnya, seolah-olah YAB Perdana Menteri ini suatu Perdana Menteri yang zalim, yang makan duit orang, yang tidak menghiraukan rakyat jelata. Tiada seorang pembangkang atau pihak anti Kerajaan, atau rakyat di dalam atau di luar Kerajaan, boleh menunjukkan bukti yang YAB Perdana Menteri zalim, berkepentingan diri sendiri dan tidak prihatin atas pembangunan rakyat.

9. Saya merayu kepada saudari-saudari yang kebanyakannya datang dari pengajian tinggi di Universiti, merenungkan sendiri satu persatu, fitnah dan usaha orang-orang tertentu untuk memesonkan fikiran rakyat, kanak-kanak dan dewasa supaya membencikan YAB Perdana Menteri dan Kerajaannya. Kalau ada ahli-ahli BAKTI berasa ragu-ragu terhadap YAB Perdana Menteri dari segi tindak-tanduknya, usahanya dan kelakuannya, bertanyalah dengan ikhlas dan terbuka kepada saya. Saya akan cuba melegakan hati dan pemikiran saudari-saudari dengan jawapan-jawapan yang benar. Saya tidak akan mempertahankan YAB Perdana Menteri jika ianya bersalah, tetapi sebagai seorang yang seduduk dengannya siang- malam, semasa suka-duka, sakit dan sihat, saya yakin saya mengenali YAB Perdana Menteri, hati dan fikirannya, lebih daripada orang lain yang cuma cekap menuduh tanpa mengenali dekat hamba Allah ini, dan menyiasat.

10. Marilah kita mendoa semoga kita tidak akan lari daripada landasan ajaran agama kita dan sentiasa berfikiran waras dan adil.

11. Saya tidak patut sebagai Yang Di Pertua BAKTI, sebutkan perkara ini pada permulaan AGM ini, tetapi saya tahu mengikut lazimnya, ramai ahli-ahli akan meninggalkan mesyuarat ini mungkin cepat. Oleh itu saya kemukakan hal ini sekarang. Tujuan saya ini adalah mengelakkan berpuak-puak nanti antara kita dalam pemikiran dan kempen kita semasa pilihanraya. Amatlah sedih nanti jika ada ahli BAKTI berkempen atau menyokong pihak tertentu sambil berpura-pura dalam BAKTI.

12. Dengan kata-kata ini, kita pergi ke agenda yang ke-2 dalam acara kita pagi ini.
